



Ruj. Kami : Prk. ML.32/12-2 Sid.2 P27.  
 Tarikh : 18 Jun 2011  
 087.

Semua Pengarah Perikanan Negeri

Tuan,

**PINDAAN DASAR DAN PROSIDUR PELESENAN JABATAN PERIKANAN  
 (Pekeliling Cawangan Pelesenan - Ogos/2011)**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara yang tersebut di atas.

2. Bersama-sama ini dikepulkan Pekeliling Cawangan Pelesenan Ogos/2011 mengenai pelaksanaan dasar baru bagi sampan.

3. Berasaskan kepada dasar dan prosidur pelesenan sedia ada, panjang sampan yang dibenarkan ialah tidak melebihi 9 meter dengan menggunakan enjin sangkut tidak melebihi 60 kuasa kuda. Walau bagaimana pun berasaskan kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Dasar Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani Bil. 2/2011, panjang sampan telah ditingkatkan kepada tidak melebihi 11 meter dengan enjin tidak melebihi 120 kuasa kuda bagi kawasan di Semenanjung Malaysia. Manakala di Sabah dan Sarawak, panjang sampan dikekalkan sebagaimana dasar sedia ada dimana bagi Sabah panjang sampan tidak melebihi 11 meter dengan enjin tidak melebihi 120 kuasa kuda dan Sarawak panjang sampan tidak melebihi 15 meter dengan enjin tidak melebihi 140 kuasa kuda.

4. Pindaan tersebut adalah berkuatkuasa **SERTA MERTA**.

Sekian, untuk tindakan tuan selanjutnya. Terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "**

Saya yang menurut perintah,

**(HAJI GULAMSARWAR BIN JAN MUHAMAD)**  
 Pengarah Bahagian Pelesenan Dan Pengurusan Sumber,  
 b.p. Ketua Pengarah Perikanan Malaysia,  
 Putrajaya.

*TT Cleong,  
 wakilnya efend*

*M*

*24/11*



# PENGUATKUASAAN AKTA 686

1. MENGUATKUASAKAN AKTA 686 (Umum)
2. MENJALANKAN RISIKAN MENGENAI MODUS OPERANDI PENYELUDUPAN AROWANA (*Scleropages formosus*) SERTA MENGAMBIL TIDAKAN PENGUATKUASAAN SETERUSNYA (Seksyen 10).
3. MEMERIKSA PREMIS/LADANG UNTUK MENAHAN SPESIES CITES YANG TELAH DIBAWA MASUK TANPA PERMIT (Con: Arapaima) SERTA MENGAMBIL TINDAKAN PEANGUATKUASAAN (Seksyen 10,11, 12 dan 14(2) ).
4. MEMERIKSA PREMIS BAGI MENENTUKAN SPESIES CITES DITANDA SEPERTI YANG DIARAHKAN OLEH PIHAK BERKUASA PENGURUSAN (Seksyen 15 )
5. MEMERIKSA REKOD-REKOD LADANG YANG TELAH DITETAPKAN OLEH PIHAK BERKUASA PENGURUSAN SUPAYA SENTIASA DIKEMASKINI OLEH PIHAK LADANG DAN MENGAMBIL TINDAKAN PENGUATKUASAAN JIKA PERLU (Seksyen 18)
  - 5.1 REKOD PENDAFTARAN NOMBOR PIT (Passive Intergrated Transponder)
  - 5.2 REKOD PENDAFTARAN STOK INDUK.
  - 5.3 REKOD PENDAFTARAN STOK LAIN (USIA 4 BULAN DAN KE BAWAH)
  - 5.4 REKOD PENDAFTAR STOK LAIN (USIA LEBIH DARI 4 BULAN)
  - 5.5 REKOD PERGERAKAN STOK.
  - 5.6 REKOD KEMATIAN/PELUPUSAN STOK.